

16 NOV 1998

APEC-BERITA-FUJIMORI LEAD

KRISIS EKONOMI ASIS BUKAN ANCAMAN BESAR KEPADA AMERIKA LATIN

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Presiden Peru Alberto Fujimori berkata hari ini bahawa masalah ekonomi Asia Tenggara tidak berapa mengancam Amerika Latin.

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa terdapat pengurangan dalam eksport Amerika Latin ke rantau ini yang mana barangannya juga telah menjadi lebih murah.

Krisis ekonomi itu telah menyebabkan negara-negara Asia Tenggara mengurangkan import mereka dan ini telah memberi kesan kepada eksport Peru ke rantau ini, katanya.

Ini juga telah menyebabkan ketidak seimbangan dalam dagangan luar Peru menjadi lebih luas.

"Tetapi kami menjangka ekonomi-ekonomi Malaysia dan Peru serta juga lain-lain negara Asia tenggara dan Amerika Latin akan pulih tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ditanya sama ada negara-negara Latin Amerika yang lain memerlukan bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), beliau berkata sesetengah dari mereka memerlukannya.

"Pada umumnya, negara-negara Amerika Latin sedang menguruskan ekonomi-ekonomi mereka dengan penyeliaan ketat sistem kewangan mereka," katanya.

Fujimori berkata Malaysia sedang mengurus ekonominya dengan baik dengan caranya sendiri.

Mengenai skim Liberalisasi Awal Mengikut Sektor Secara Sukarela (EVSL), beliau berkata Peru sedang cuba untuk meliberalisasi sebanyak yang mungkin dengan mengambil kira semua faktor-faktor yang terlibat ekonominya.

"Kita sedang mengorak langkah ke arah ekonomi perdagangan bebas dan pasaran terbuka," katanya.

Mengenai kawalan tukaran asing selektif yang diperkenalkan oleh Malaysia, beliau berkata perkara itu dibincangkan dalam perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir dan mereka bersetuju bahawa ia (kawalan itu) sedang menunjukkan kejayaan di Malaysia.

-- BERNAMA
MAM AAM WAT